

Susulan dan Bimbingan Berterusan Selepas Seminar

Strategi BIJAK BELAJAR

Untuk Kecemerlangan Akademik di Institusi Pengajian Tinggi

Khusus Untuk

Pelajar IPT Tajaan Yayasan TM

Oleh **Mohammad Fitri Mohd Shukri**

Amalan Belajar Sdn Bhd

Disember 2007, Edisi 1

Persediaan Pada **AWAL SEMESTER**

Persediaan dan perancangan awal pada minggu pertama dan kedua semester amat penting dan kritikal untuk pembelajaran yang lebih berkesan sepanjang semester dan kejayaan di hujung semester

Bagi memudahkan lagi anda mempelajari sesuatu subjek pada keseluruhan semester, pada permulaan semester, ambil berat akan perkara-perkara berkaitan (1) pensyarah dan tutor, (2) subjek dan topik pengajian, (3) nota dan rujukan, dan (4) persediaan dan perancangan diri

PENSYARAH dan TUTOR

- 1 KENALI bakal pensyarah dan tutor
- 2 Ambil perhatian akan STAIL pengajaran dan pemarkahan oleh mereka
- 3 Dapatkan maklumat PERHUBUNGAN, lokasi pejabat dan jadual perjumpaan pelajar dengan mereka
- 4 Kalau boleh, tanyakan mereka berkenaan TARIKH dan MASA yang mereka bermungkinan TIADA di universiti kerana urusan peribadi atau tugas TIDAK MAHU DIGANGGU oleh pelajar

SUBJEK dan TOPIK PENGAJIAN

- 1 Baca dan hayati OBJEKTIF pembelajaran bagi setiap subjek yang diambil
- 2 Ambil perhatian akan TOPIK-TOPIK PENTING, termasuklah topik-topik 'killer' yang perlu diberi lebih usaha dan perhatian sejak dari awal
- 3 Ambil perhatian akan kaedah PENILAIAN dan fokus pemarkahan oleh pensyarah untuk membantu proses perancangan belajar sepanjang semester

NOTA dan RUJUKAN

- 1 Ambil perhatian akan CADANGAN bahan bacaan oleh fakulti dan pensyarah anda bagi setiap subjek yang anda akan belajar pada semester baru serta semak yang manakah rujukan paling PENTING
- 2 DAPATKAN nota-nota utama SEAWAL yang mungkin dari berbagai sumber untuk memudahkan anda membuat sedia awal sebelum kuliah atau makmal
- 3 Peruntukkan sejumlah wang dari awal untuk mendapatkan nota dan rujukan

PERSEDIAAN dan PERANCANGAN DIRI

- 1 Letak MATLAMAT pencapaian akademik yang khusus dan jelas bagi setiap
- 2 Kenalpasti dan nilaikan kesemua KEUTAMAAN anda bagi semester baru
- 3 Berdasarkan keutamaan anda, buat perancangan kehidupan anda untuk keseluruhan semester dari aspek logistik, kewangan, penglibatan aktiviti pelajar, aktiviti sosial dan kehidupan peribadi
- 4 Ulangkaji semula topik dan perkara penting untuk pembelajaran semester ini

Sedia Awal Sebelum Kuliah/Makmal/Tutorial


TUJUAN dan KEPENTINGAN

Membantu dan memudahkan kefahaman semasa pensyarah mengajarkan subjek dan topik di kuliah/makmal/tutorial nanti

SUBJEK dan TOPIK APA ?

Sebaiknya buat persediaan awal untuk semua subjek dan topik yang akan dipelajari nanti. Namun, sekiranya tidak sempat untuk semua, wajib dilakukan persediaan awal bagi subjek dan topik :

- penting (khususnya subjek teras)
- susah (seperti 'killer subject')
- pengajaran pensyarah kurang berkesan
- pensyarah sendiri mengarahkan pelajar membuat sedia awal bagi subjeknya



SEDIA AWAL PADA AWAL SEMESTER

- 1 Memahami objektif dan tujuan kenapa perlu mempelajari subjek dan topik yang diambil
- 2 Mendapatkan nota-nota penting berkaitan subjek yang akan dipelajari
- 3 Mengenali dan mendapatkan butiran berkenaan pensyarah yang akan mengajar subjek itu

SEDIA AWAL PADA SEPANJANG SEMESTER

- 4 Membaca terlebih dahulu topik-topik penting atau berkaitan sebelum mempelajarinya di dalam kuliah/kelas dan sebelum membuat praktikal di makmal/tutorial/kerja lapangan

100% Tumpuan erlibat anya

Semasa

Kuliah/Makmal/Tutorial



TUJUAN dan KEPENTINGAN

Untuk memahami dan membantu penguasaan terhadap subjek dan topik yang diajarkan oleh pensyarah dan tutor

SUBJEK dan TOPIK APA ?

Untuk semua subjek dan topik yang dipelajari. Tiada kompromi di sini sekiranya anda mahu skor dalam pengajian anda.

TUMPUAN, TANYA dan TERLIBAT 100% PADA SEPANJANG SEMESTER

- 1 Mesti berusaha untuk hadir sepenuhnya bagi semua kuliah/makmal/tutorial
- 2 Berikan tumpuan 100% dalam setiap kuliah/makmal/tutorial
- 3 Terus bertanya kepada pensyarah/tutor sekiranya tidak faham semasa kuliah/makmal/tutorial. Sekiranya tidak berkesempatan bertanya pada masa itu juga, pastikan dapat menemui pensyarah pada minggu itu juga untuk bertanya.
- 4 Terlibat 100% dalam semua aktiviti seperti perbincangan, ujikaji, persembahan, simulasi dan lain-lain aktiviti yang disyorkan oleh pensyarah/tutor

Ulangkaji Selepas Kuliah/Makmal/Tutorial



Bagi mengukuhkan kefahaman subjek dan topik yang telah dipelajari serta sebagai persediaan untuk ujian dan peperiksaan

TUJUAN dan KEPENTINGAN

Semua subjek dan topik yang telah dipelajari di kuliah/makmal/tutorial

SUBJEK dan TOPIK APA ?

ULANGKAJI PADA SEPANJANG SEMESTER

- 1 Baca semula nota dan rujukan dari kuliah/makmal/tutorial
- 2 Buat latihan bagi mengukuhkan kefahaman
- 3 Cari dan buat rujukan lanjut di perpustakaan, internet, bacaan lanjut dan perbincangan untuk berkumpulan bagi meluaskan lagi kefahaman

ULANGKAJI MENJELANG PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

- 4 Cari punca dan buat pembetulan terhadap kesilapan yang dibuat semasa ujian dan kuiz, amali makmal, latihan dalam tutorial dan tugas yang diberikan, agar tidak diulangi pada peperiksaan akhir semester
- 5 Buat latihan peperiksaan mengikut masa yang sebenar berdasarkan kertas-kertas peperiksaan terdahulu

Matlamat Belajar

Semester

Tahun Akademik

3

Sebab utama yang kuat, khusus dan khas kenapa mahu mencapai matlamat saya ini.

Subjek

Gred/Pointer

| | |
|--|--|
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |

PNG

PNGK

Saya yakin mampu mencapai matlamat di atas kerana

YES I CAN DO IT!

Saya yang benar,

Nama : _____ Tarikh : _____

Learning Objectives

Semester

Academic Year

3

Strong, specific and special reasons why I want to achieve these targets

Subject

Grade/
Pointer

| | |
|--|--|
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |

GPA

CGPA

I'm sure I will achieve these targets because

YES I CAN DO IT!

Yours sincerely,

Name : _____ Date : _____